

18 APR 1997

Mahathir-Exco (Bergambar)

EXCO YANG DISIASAT BPR TIDAK PERLU LETAK JAWATAN

JITRA, 18 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kelapan-lapan Exco kerajaan negeri yang sedang disiasat Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak perlu meletakkan jawatan sebagaimana yang dilakukan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Katanya, kes exco itu adalah berbeza dengan kes Muhammad kerana mereka masih dalam siasatan.

Muhammad, yang meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar pada Isnin lepas, menghadapi dua tuduhan di mahkamah Brisbane, Australia berhubung RM2.4 juta yang cuba dibawanya keluar dari negara itu pada Disember lepas.

"Saya tidak fikir kenapa mereka harus mengikuti langkah yang diambil oleh Muhammad. Muhammad meletakkan jawatan kerana beliau didakwa terlibat dengan skandal yang telah menjadi pengetahuan umum.

"Sementara kes Exco itu masih dalam siasatan BPR dan agensi itu tidak boleh buat keputusan seseorang itu bersalah semata-mata kerana ada tuduhan," katanya kepada pemberita selepas majlis rumah terbuka Aidiladha di Dewan Jitra di sini, hari ini.

Lebih 5,000 orang berbagai-bagai kaum menghadiri rumah terbuka beliau itu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas desakan Anggota Parlimen Kota Melaka Lim Guan Eng yang mahu lapan Exco yang sedang disiasat BPR berhubung penyalahgunaan kuasa, rasuah dan penyelewengan meletak jawatan sebagaimana yang dilakukan Muhammad.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri Datuk Azmi Khalid berkata pada persidangan Dewan Rakyat baru-baru ini bahawa lapan Exco itu ialah tiga dari Melaka dan masing-masing seorang dari Johor, Pahang, Kedah, Sabah dan Selangor.

Dr Mahathir berkata: "kalau hendak percayakan tuduhan yang disebarikan melalui surat layang susahlah, saya sendiri akan terlibat kerana saya pun banyak orang tuduh macam-macam."

Diminta mengulas mengenai siasatan yang sedang dilakukan terhadap akaun pergerakan Wanita Umno yang diketuai Bendahari Umno Tun Daim Zainuddin, Perdana Menteri berkata semua pihak yang terbabit mempunyai peluang untuk menyatakan pendapat masing-masing dan sehubungan itu mereka tidak perlu mengeluarkan kenyataan menyalahkan pihak lain.

Katanya, pandangan semua orang akan diambil kira dan setiap yang dituduh juga berpeluang untuk menjawabnya.

"Anwar Ibrahim (Timbalan Presiden) telah mengarahkan semua orang supaya jangan buat sebarang kenyataan sebaliknya kalau ada bukti harus dijelaskan kepada jawatankuasa penyiasat itu.

"Peluang untuk mempertahankan diri itu ada ... kalau kita buat kenyataan dan kenyataan itu seolah-olah menunjukkan keputusan kita yang bersalah, lagi teruk," katanya.

Beliau berkata jawatankuasa penyiasat itu akan menjalankan tugas dengan adil dan apabila siap akan mengemukakannya kepada Majlis Tertinggi (MT) yang akan membuat keputusan yang adil untuk semua pihak.

Ditanya adakah pergerakan itu menghadapi masalah dalaman, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahu, tetapi siapa yang tidak ada masalah, semua orang ada masalah."

Ditanya pula mengenai jangka masa siasatan itu, beliau menjawab, "tak berapa lama."

Diminta mengulas kenyataannya semalam semasa merasmikan pejabat biro

akhbar kewangan Nihon Keizai Shimbun yang menyebut supaya media membuat laporan yang tepat dan seimbang, beliau berkata perkara itu turut merujuk kepada pengamal media tempatan.

Katanya media tempatan ada kalanya membuat laporan yang tidak tepat kerana hendak melariskan akhbar.

"Media juga berkuasa dan kalau media salah guna kuasa macam orang lain menyalahgunakan kuasa, payahlah," katanya.

Ditanya bentuk pemberitaan yang macam mana beliau kehendaki, Perdana Menteri berkata, laporan itu harus benar dan berdasarkan fakta.

"Laporkan apa yang orang kata ... kalau potong dan kemudian tambah untuk nampak lebih menarik, orang tak berkelahi jadi berkelahi."

-- BERNAMA

MZM MFJ AHH